

## **JAWATAN KOSONG**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mempelawa pemohon daripada Warganegara Malaysia yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong sebagai:**

### **Pegawai Tadbir Gred N41**

1. (a) Jawatan : Pegawai Tadbir Gred N41
- (b) Kementerian/Jabatan/  
Badan Berkanun/Kuasa  
Tempatan : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
(MITI)
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)
- (d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pengurusan & Profesional
- (e) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan & Profesional
- (f) Taraf Pelantikan : Kontrak
- (g) Gred : N41

2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
N41	2080.00	9546.00	225.00

- Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM300.00  
Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00  
Bantuan Sara Hidup : RM300.00 (Kuala Lumpur)

3. Syarat Lantikan Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

a) Warganegara Malaysia;

b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

c) Kelayakan Lantikan Ke Gred N41:

Kelayakan Masuk : (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred N41: RM 2,080.00

#### **ATAU**

Kelayakan Masuk : (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred N41: RM 2,283.43

#### **DAN**

d) Syarat Lantikan Tambahan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Deskripsi Tugas

(a) Menjalankan tugas-tugas pentadbiran yang berkaitan dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian berdasarkan keperluan seperti mengendalikan mesyuarat dan menyediakan Laporan Mesyuarat.

(b) Menjalankan kerja-kerja berkaitan pengurusan acara seperti pendaftaran peserta, urusan penginapan, penyediaan dewan, urusan pengangkutan dan sebagainya.

(c) Menjalankan kerja-kerja berkaitan pengurusan data, laman web, promosi dan media sosial.

6. Lokasi : Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri,  
Kuala Lumpur
7. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan MITI yang boleh dimuat turun di laman sesawang <http://www.miti.gov.my>. Permohonan yang tidak menggunakan borang tersebut akan ditolak. Pemohon perlu menulis nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**  
**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**  
**Tingkat 23, Menara MITI,**  
**No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,**  
**50480 Kuala Lumpur**

8. Catatan Tambahan : a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- b) Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.
- c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temuduga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh kerajaan.
9. Tarikh Tutup : **4 April 2018 (Rabu) sebelum 5.00 petang.**